



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



27 MAC 2015

KENYATAAN MEDIA

“KANAK -KANAK PEREMPUAN LIMA TAHUN DIROGOL”

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melahirkan rasa sedih dan simpati terhadap kejadian yang menimpa kanak-kanak perempuan berusia lima tahun yang dipercayai dirogol ketika membeli ais batu di Kota Bharu, Kelantan.

Kementerian mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan keji ini dan berharap agar si pelakunya diheret ke muka pengadilan serta dikenakan hukuman yang berat.

Berbalik kepada kes ini, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pegawai Pelindung di daerah akan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada keluarga dan mangsa. Antara perkhidmatan sokongan yang akan diberikan ialah menyediakan intervensi kaunseling dan membantu keluarga serta mangsa sekiranya memerlukan perkhidmatan rawatan susulan di hospital.

Pada masa yang sama, Pegawai Perlindungan juga akan membuat penilaian sekiranya kanak-kanak tersebut perlu diberi perlindungan dan tindakan wajar akan diambil untuk menempatkan mangsa di tempat selamat atau bersama orang yang layak dan sesuai.

Dalam hal ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani telah mengarahkan Pegawai Pelindung di daerah untuk mengambil tindakan segera ke atas kes tersebut.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terus membantu kanak-kanak ini dalam aspek kaunseling dan lain - lain khidmat sokongan supaya kanak-kanak ini lebih berkeyakinan untuk meneruskan kehidupan harian seperti biasa.

Pihak Kementerian berharap agar golongan ibu bapa lebih berwaspada pada masa akan datang bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.

####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No.55, Persiaran Perdana, Precint 4,
Putrajaya

Tarikh : 27 Mac 2015